

Perkara I



**PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA**

PERJAWATAN


Sehingga 31 Disember 2011, bilangan keseluruhan jawatan yang telah diluluskan kepada UniMAP adalah sebanyak 1274. Berbanding 39 jawatan yang diluluskan pada tahun 2010, pada tahun 2011, jumlah tersebut menyusut kepada 27 jawatan kosong sahaja yang telah diluluskan kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) oleh Perbendaharaan dengan perakuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Daripada sejumlah 27 jawatan tersebut, 22 jawatan adalah dalam kategori perjawatan akademik dan 5 jawatan adalah dalam kategori perjawatan bukan akademik. Pengisian perjawatan bagi tahun 2011 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Bilangan keseluruhan staf bukan warganegara adalah seramai 60 orang bagi tahun 2011. Taburan staf bukan warganegara tersebut mengikut negara masing-masing adalah 17 dari Indonesia, 9 dari India, 5 dari Iraq, 4 dari Myanmar, 8 dari Bangladesh, 2 dari Filipina, 2 dari Pakistan, 3 dari Thailand dan masing-masing satu (1) dari Australia, Republik Kyrgyz, Great Britain, Jepun, United Kingdom, China, Sudan, Mesir, Kanada dan Vietnam.

Secara umumnya, pecahan staf akademik, pecahan staf mengikut kumpulan perkhidmatan dan pecahan staf bukan warganegara digambarkan melalui Rajah 1, Rajah 2 dan Rajah 3.

Kumpulan Perkhidmatan	Bilangan
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	3
Kumpulan Pengurusan Dan Profesional Akademik	
- Profesor	15
- Profesor Madya	35
- Pensyarah Kanan	79
- Pensyarah	301
- Pegawai Latihan Vokasional	104
- Guru Bahasa	14
Bukan Akademik	137
Kumpulan Sokongan	474
Jumlah	1162


Jadual 1 : Perjawatan Universiti Malaysia Perlis Tahun 2011 (Jawatan Yang Telah Diisi)



Rajah 1 : Pecahan Staf Akademik



Rajah 2 : Pecahan Staf Mengikut Kumpulan Perkhidmatan



Rajah 3 : Pecahan Staf Bukan Warganegara

PERKHIDMATAN

Pada tahun 2011, Kerajaan Malaysia telah memansuhkan Penilaian Tahap Kecekapan dan akan digantikan dengan satu kaedah baru yang lebih berkesan dalam mengukur dan menentukan kompetensi penjawat awam yang akan dilaksanakan mulai tahun 2012. Walaubagaimanapun, dalam usaha memupuk nilai dan etika kerja cemerlang, pihak universiti melalui Unit Kompetensi Jabatan Pendaftar terus melaksanakan kursus induksi dan peperiksaan perkhidmatan bagi staf berjawatan tetap yang layak.

A. KURSUS INDUKSI

Kursus Induksi dilaksana bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua anggota dalam Perkhidmatan Awam mengenai sejarah negara, dasar utama kerajaan, rancangan dan program pembangunan Negara serta memberi penjelasan tentang sistem pentadbiran, prosedur-prosedur utama, arahan-arahan dan pekeliling serta panduan-panduan Kerajaan. Selain ini kursus ini memberi kefahaman mengenai kaedah pengurusan serta keperluan-keperluan asas dan khusus bagi satu-satu perkhidmatan dan agensi.

Pada tahun 2011 Kursus Induksi Umum dan Kursus Induksi Khusus telah diadakan sebanyak dua (2) kali, iaitu dibahagikan kepada dua (2) siri mengikut kumpulan perkhidmatan. Maklumat mengenai Kursus Induksi Umum dan Kursus Induksi Khusus adalah seperti di bawah:

1. Kursus Induksi Siri 1/2011

Bil	Tarikh	Perkara
1.	17-25/10/2011	Kursus Induksi Umum Kumpulan Sokongan II
2.	27-28/10/2011	Kursus Induksi Khusus Kumpulan Sokongan II

Pecahan calon mengikut jawatan ialah seperti berikut :

Bil	Jawatan	Bilangan calon
1.	Pensyarah Kanan	11
2.	Pensyarah	36
3	Guru Bahasa	4
4	Pegawai Tadbir	1
5	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	1
	Jumlah	53

2. Kursus Induksi Siri 2/2011

Bil	Tarikh	Perkara
1.	23/05-02/06/2011	Kursus Induksi Umum Kumpulan Pengurusan & Profesional serta Sokongan I
2.	15-16/06/2011	Kursus Induksi Khusus Kumpulan Pengurusan & Profesional serta Sokongan I

Pecahan calon mengikut jawatan ialah seperti berikut :

Bil		Bilangan calon
1.	Pembantu Tadbir (P/O)	7
2.	Pembantu Am Pejabat	4
3.	Pekerja Awam	1
4.	Juruteknik	6
5.	Pemandu Kenderaan	6
6	Pembantu Akauntan	2
7	Pembantu Perpustakaan	1
8	Pengawal Keselamatan	5
9	Ahli Muzik	1
10	Atendan Kesihatan	1
11	Juruteknik Komputer	1
12	Tukang	1
	Jumlah	36

B. PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN

Peperiksaan Perkhidmatan ialah peperiksaan yang disyaratkan kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam bagi tujuan untuk pengesahan dalam jawatan dan juga bagi sesetengah perkhidmatan bagi tujuan untuk melangkah sekatan kecekapan untuk kemajuan dalam perkhidmatan seterusnya.

Peperiksaan Perkhidmatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Sokongan I Siri 1/2011 telah diadakan pada 30 Mac dan 12 April 2011.

Berikut merupakan skim perkhidmatan yang mempunyai calon-calon menduduki peperiksaan perkhidmatan bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Sokongan I :

Bil.	Jawatan & Gred
1	Pegawai Teknologi Maklumat [F41]
2	Pegawai Latihan Vokasional [J41]
3	Pegawai Tadbir [N41]
4	Pegawai Penerbitan [N41]
5	Pegawai Psikologi [S41]
6	Juruaudit [W41]
7	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat [F29]
8	Penolong Jurutera [J29]
9	Penolong Pegawai Tadbir [N27]
10	Penolong Pengurus Asrama [N27]
11	Juruteknik [J17]
12	Pembantu Tadbir P/O [N17]
13	Pegawai Khidmat Pelanggan [N17]
14	Pembantu Perpustakaan [S17]
15	Pembantu Belia Dan Sukan [S17]
16	Pembantu Akauntan [W17]
17	Pengawal Keselamatan [KP11]
18	Pereka [B11]

Peperiksaan Perkhidmatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan Siri 2/2011 pula telah diadakan pada 28 dan 29 September 2011.

Berikut merupakan skim perkhidmatan yang mempunyai calon-calon menduduki peperiksaan perkhidmatan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan I:

Bil.	Jawatan & Gred
1	Pegawai Kebudayaan [B41]
2	Pegawai Kebudayaan [B27]
3	Ahli Muzik [B17]
4	Pegawai Teknologi Maklumat [F41]
5	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat [F29]
6	Pegawai Latihan Vokasional [J41]
7	Juruteknik [J17]
8	Pegawai Tadbir [N41]
9	Penolong Pegawai Tadbir [N27]
10	Setiausaha Pejabat [N27]
11	Pembantu Tadbir P/O [N17]
12	Pegawai Belia Dan Sukan [S41]
13	Pembantu Belia Dan Sukan [S17]
14	Pembantu Perpustakaan [S17]
15	Penolong Akauntan [W27]
16	Pembantu Akauntan [W17]


Perbandingan Calon Menduduki Kursus Induksi 2009-2011

Kursus Induksi Kumpulan Sokongan

Perkara	Bilangan Calon		
	Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2011
Kursus Induksi Umum & Khusus	57	62	36

Kursus Induksi Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P)

Perkara	Bilangan Calon		
	Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2011
Kursus Induksi Umum & Khusus	34	54	51



Rajah 1: Jumlah Calon Yang Telah Menghadiri Kursus Induksi Mengikut Kumpulan Perkhidmatan


Perbandingan Calon Menduduki Peperiksaan Perkhidmatan 2009 - 2011

Peperiksaan Perkhidmatan Kumpulan Sokongan

Perkara	Bilangan Calon		
	Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2011
Peperiksaan Perkhidmatan	55	23	50

Peperiksaan Perkhidmatan Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P)


Perkara	Bilangan Calon		
	Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2011
Peperiksaan Perkhidmatan	17	28	30



Rajah 2: Jumlah Calon Yang Telah Menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

Perbandingan Calon Menduduki Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) 2009 - 2011

Perkara	Bilangan Calon		
	Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2011
Bayaran Insentif Tugas Kewangan	34	20	23



Rajah 3 : Jumlah Calon Yang Telah Menduduki Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK)



SKIM PENGAJIAN LANJUTAN

1. SKIM LATIHAN TENAGA PENGAJAR AKADEMIK (SLTPA)

UniMAP telah melantik seramai 47 orang felo untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik. Mereka dihantar ke beberapa buah universiti di dalam dan luar negara untuk mengikuti bidang pengajian yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilih Calon Pengajian Lanjutan berdasarkan perancangan akademik yang telah ditetapkan. Fellow-fellow tersebut dibiaya oleh Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) tajaan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). Data felo yang terlibat bagi tahun 2011 adalah seperti Jadual 1.

Bil.	Pusat Pengajian	Sarjana		Ph.D		Jumlah
		Dalam Negara	Dalam Negara	Luar Negara	Luar Negara	
1.	PPK Komputer & Perhubungan	1	5	1		7
2.	PPK Bahan	2	2	-		4
3.	PPK Mikroelektronik	1	-	-		1
4.	PPK Pembuatan	1	-	1		2
5.	PPK Sistem Elektrik	12	-	1		13
6.	PPK Mekatronik	2	1	-		3
7.	PPK Bioproses	2	-	-		2
8.	PPK Alam Sekitar	-	-	1		1
9.	PTKPI	6	1	-		7
10.	PPIPT	3	-	-		3
11.	INEE	-	-	1		1
12.	IMK	1	2	-		3
Jumlah		31	11	5		47
Jumlah Keseluruhan		31	16			


Jadual 1: Jumlah Pengambilan Felo SLTPA Tahun 2011 Mengikut Pusat Pengajian

Bil.	Pusat Pengajian	Sarjana		Ph.D		Jumlah
		Dalam Negara	Dalam Negara	Luar Negara	Luar Negara	
1.	PPK Komputer & Perhubungan	-	9	-		9
2.	PPK Bahan	1	7	-		8
3.	PPK Mikroelektronik	-	-	3		3
4.	PPK Pembuatan	1	4	2		7
5.	PPK Sistem Elektrik	-	3	-		3
6.	PPK Mekatronik	2	6	3		11
7.	PPK Bioproses	-	2	2		4
8.	PPK Alam Sekitar	-	3	2		5
9.	PTKPI	-	3	-		3
10.	PPIPT	-	-	-		0
11.	INEE	-	1	-		1
12.	IMK	-	3	2		5
Jumlah		4	41	14		59
Jumlah Keseluruhan		4	55			


Jadual 2: Jumlah Staf Cuti Belajar Di Bawah SPLKA Tahun 2011 Mengikut Pusat Pengajian

2. SKIM PENGAJIAN LANJUTAN KAKITANGAN AKADEMIK (SPLKA)

Seramai 59 orang staf yang terdiri dari Tutor, Pegawai Latihan Vokasional dan Pensyarah telah diluluskan untuk cuti belajar di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Pengajian Lanjutan Kakitangan Akademik ke beberapa buah universiti di dalam dan luar negara mengikut bidang pengajian yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilih Calon Pengajian Lanjutan. Data staf yang terlibat bagi tahun 2011 adalah seperti Jadual 2.



Rajah 1: Jumlah Pengambilan Felo SLTPA Tahun 2011 Mengikut Pusat Pengajian



Rajah 2: Jumlah Staf Cuti Belajar Di Bawah SPLKA Tahun 2011 Mengikut Pusat Pengajian

Perbandingan jumlah pengambilan SLTPA dan SPLKA antara tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di Jadual 3.

Tahun	SLTPA	SPLKA	Jumlah
2009	56	39	95
2010	44	51	95
2011	47	59	106

Jadual 3: Perbandingan jumlah pengambilan SLTPA & SPLKA tahun 2009 hingga 2011

Pada tahun 2009 dan 2010, jumlah keseluruhan pengambilan felo SLTPA dan staf yang diluluskan cuti belajar di bawah SPLKA adalah seramai 95 orang. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2011, terdapat peningkatan jumlah pengambilan bagi kedua-dua skim iaitu seramai 106 orang. Peratus peningkatan adalah sebanyak 11.58%.

Jadual juga menunjukkan terdapat peningkatan jumlah bagi SPLKA dari tahun 2009 iaitu 39 orang dan 59 orang bagi tahun 2011. Jumlah peningkatan adalah sebanyak 51.2%.

Walaupun bagaimanapun, jumlah pengambilan felo SLTPA menurun sebanyak 19.15% pada tahun 2011 iaitu seramai 47 orang berbanding 56 orang pada tahun 2009.

3. BENGKEL DAN UJIAN IELTS

Bengkel dan Ujian IELTS bagi tahun 2011 turut diadakan pada 1 - 3 Jun 2011 (Bengkel) manakala 11 Jun 2011 dan 17 Disember 2011 (Ujian) di Bilik Seminar 1, Taman Kechor, Kangar. Tujuan bengkel dan ujian tersebut diadakan adalah untuk memudahkan staf-staf dan felo menduduki IELTS yang menjadi syarat untuk melanjutkan pengajian di bawah skim cuti belajar UniMAP. Bengkel ini dikendalikan oleh penceramah dari IDP Education Australia dan turut disertai oleh pensyarah-pensyarah dari IPTA berdekatan.



KURSUS DAN LATIHAN

1. PERANCANGAN

Program latihan tahun 2011 lebih tertumpu kepada aspek pembentukan dan peningkatan ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam memastikan misi UniMAP untuk mempunyai staf yang berdaya saing dapat dilaksanakan. Selain itu, aspek pembangunan modal insan juga diberikan penekanan dalam program latihan berkaitan. Pembangunan modal insan bukan sekadar kemahiran melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab tetapi juga membangunkan kesedaran dan keinsafan terhadap perlunya mencipta dan melaksanakan sesuatu yang bermanfaat kepada kehidupan manusia seluruhnya. Justeru, program latihan tahun 2011 yang telah dilaksanakan pastinya berhasrat untuk membina aspek kemanusiaan yang menyeluruh dan seimbang bagi mewujudkan warga Universiti yang berilmu, mahir dan cekap bagi tujuan memenuhi visi dan misi Universiti. Walau bagaimanapun program latihan yang telah dilaksanakan masih mengambil kira 3 tujuan utama sesuatu program latihan diadakan iaitu:


- i. Meningkatkan ilmu pengetahuan
- ii. Meningkatkan bidang kemahiran
- iii. Menjana perubahan sikap

Bagi tahun 2011 sahaja, sebanyak 36 kursus telah dilaksanakan termasuk kursus-kursus yang dijalankan dengan kerjasama Pusat Tanggungjawab (PTj) lain di UniMAP.

2. PENCAPAIAN

2.1 Kehadiran Kursus

Selaras dengan dasar yang telah dikeluarkan oleh kerajaan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan, Bil 6, Tahun 2005, semua penjawat awam perlu menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun. Daripada jumlah tersebut, didapati seramai 1455 orang staf UniMAP (jumlah tidak termasuk staf cuti belajar dan cuti tanpa gaji) telah hadir kursus 7 hari setahun bagi tahun 2011. Berdasarkan jumlah tersebut, seramai 1069 staf telah menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh Unit Latihan, Jabatan Pendaftar bagi tahun 2011.




Rajah 1 : Kehadiran Peserta Berkursus

2.2 Komposisi staf berkursus di UniMAP

Bil	Gred/Kumpulan	Bilangan Anggota	Kursus Pendek			Bilangan Anggota Yang Hadir Kursus Panjang > 3 Bulan
			Bilangan Anggota Yang Hadir > 7 Hari Setahun	Bilangan Anggota Yang Hadir < 7 Hari Setahun	Bilangan Anggota Yang Tidak Berkursus	
1.	JUSA	29	13	16	0	0
2.	Pengurusan & Profesional	758	705	53	0	8
3.	Sokongan 1	147	117	26	4	3
4.	Sokongan 2	740	620	121	11	1
Jumlah		1686	1455	216	15	12
Peratus			86.3%	12.81%	0.89%	0.71%

Jadual 1: Rekod kehadiran staf berkursus tahun 2011



Rajah 2: Komposisi staf berkursus lebih 7 hari setahun



Rajah 3: Komposisi staf berkursus kurang 7 hari setahun



Rajah 4 : Komposisi staf tidak berkursus

Berdasarkan Jadual 2 di atas, didapati staf Pengurusan dan Profesional membentuk kumpulan peserta paling ramai berkursus iaitu sebanyak 705 daripada 758 orang, ini diikuti oleh Sokongan 2 iaitu seramai 620 daripada 740 orang, Sokongan 1 seramai 117 daripada 147 orang dan yang terakhir kumpulan JUSA iaitu 13 daripada 29 orang sahaja yang berkursus cukup 7 hari setahun.

2.3 Senarai latihan 2011

Bagi tahun 2011, sebanyak 36 kursus telah dirancang. 9 kursus daripadanya adalah kerjasama dengan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP).

Bil	Nama Program	Tarikh	Tempat	Objektif
1.	Bengkel IUS-Kewangan 2011 (siri 1)	22/02/2011	Bilik Seminar, Kompleks Pusat Pentadbiran UniMAP Taman Kechor	1. Memantapkan pengurusan kewangan staf. 2. Membantu staf memahami proses kerja yang terdapat di dalam sistem kewangan.
2.	Bengkel IUS-Kewangan 2011 (siri 2)	23/02/2011	Bilik Seminar, Kompleks Pusat Pentadbiran UniMAP Taman Kechor	3. Melatih staf yang baru menggunakan sistem kewangan.
3.	Kursus Pengurusan Pejabat & Minit Mesyuarat Pejabat (siri 1)	28/02-02/03/2011	Bilik Seminar, Kompleks Pusat Pentadbiran UniMAP Taman Kechor	1. Memahami tentang asas pengurusan pejabat dan penyeliaan untuk diamalkan dalam tugas-tugas harian.
4.	Kursus Pengurusan Pejabat & Minit Mesyuarat Pejabat (siri 2)	3,4 dan 7/03/2011	Bilik Seminar, Kompleks Pusat Pentadbiran UniMAP Taman Kechor	2. Boleh menanam sikap positif terhadap kerja dan berperanan sebagai penyelia dan pentadbir
5.	Kursus Pertolongan Cemas Asas 2011	01-04/03/2011	Bilik Seminar Za'ba UKKP	1. Melahirkan lebih ramai para sukarelawan BSMM Cabang UniMAP yang berkelayakan untuk menjalankan tugas sebagai ahli bantu mula semasa kecemasan
6.	Kursus Pengurusan Stress & Pemantapan Kerohaniah	28-29/03/2011	Dewan Serbaguna Kg. Wai, Kuala Perlis	1. Memberi pendedahan tentang pengurusan stress di tempat kerja. 2. Memantapkan diri dalam pemantapan kerohaniah.
7.	Kursus Kesihatan Pekerjaan (Sokongan & Pengurusan Profesional)	01-06/04/2011	Bilik Seminar UKS & Bilik Seminar Za'ba UKKP	Menerangkan tentang kesan pendedahan kepada persekitaran dalaman yang tercemar
8.	Kursus Komunikasi Berkesan (siri I)	04-05/04/2011	Bilik Seminar, Kompleks Pusat Pentadbiran UniMAP Taman Kechor	1. Memberi kesedaran kepentingan berkomunikasi secara berkesan 2. Memahami proses komunikasi secara berkesan
9.	Kursus Komunikasi Berkesan (siri II)	06-08/04/2011	Bilik Seminar, Kompleks Pusat Pentadbiran UniMAP Taman Kechor	3. Memahami proses komunikasi dan cabaran yang biasanya timbul semasa berhadapan dengan pelanggan
10.	Kursus Pengurusan Nilai & Etika Kerja (siri 1)	25-26/04/2011	Bilik Seminar IMK, Kuala Perlis	1. Menghuraikan tentang aspek nilai dan etika dalam perkhidmatan awam
11.	Kursus Pengurusan Nilai & Etika Kerja (siri 2)	27-28 /04/2011	Bilik Seminar, Kompleks Pusat Pentadbiran UniMAP Taman Kechor	2. Menjelaskan perkara-perkara penting dalam aspek akhlak seseorang dalam organisasi. 3. Membentuk pelan pelaksanaan bagi pengamalan nilai dan etika dalam organisasi.
12.	Kursus Motivasi Dalam Membentuk Pemandu Cemerlang (siri 1)	06-08/05/2011	Putri Ayu Chalet, Yan, Kedah	1. Menerapkan budaya dan ciri-ciri seorang pemandu yang cemerlang, beretika dan berketrampilan.
13.	Kursus Motivasi Dalam Membentuk Pemandu Cemerlang (siri 2)	20-22/05/2011	D'Yan Chalet, Yan, Kedah	2. Mempertingkatkan kewibawaan dan tanggungjawab sebagai seorang pemandu 3. Berkebolehan menyelenggara dokumen-dokumen kenderaan terutama buku log.

Bil	Nama Program	Tarikh	Tempat	Objektif
14.	Kursus Pengurusan Kreatif & Inovatif	25-27/05/2011	Bilik Seminar, Kompleks Pusat Pentadbiran UniMAP Taman Kechor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memahami asas-asas untuk mempunyai pemikiran kreatif. 2. Mendapat perspektif yang jelas mengapa peningkatan yang berterusan dalam kemahiran secara kreatif sangat penting dan bagaimana untuk mencapainya.
15.	Kursus Asas Fotografi & Komposisi	06-08/06/2011	Hotel Seri Malaysia, Kangar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengendalikan kamera digital dengan betul. 2. Mempelajari prinsip-prinsip dan teknik yang betul bagi mengambil gambar dengan baik dan cantik 3. Mempelajari teori yang tepat tentang kamera
16.	Kursus Skrip Dan Penyuntingan Video Intensif	09-11/06/2011	Bilik Seminar, Kompleks Pusat Pentadbiran UniMAP Taman Kechor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mentafsir skrip kepada video 2. Lakukan penggambaran di lokasi penggambaran 3. Menyunting fotej video menggunakan perisian penyuntingan video
17.	Kursus Microsoft Excel Pertengahan (siri 1)	20-21/06/2011	Bilik Komputer IMK, Kuala Perlis	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi pendedahan lanjut tentang kegunaan excel kepada peserta 2. Memberi pengetahuan kepada peserta tentang fungsi-fungsi lain dalam excel selain daripada fungsi asas. 3. Membolehkan peserta mengaplikasikan dan menggunakan excel dalam tugas harian di pejabat.
18.	Kursus Microsoft Excel Pertengahan (siri 2)	22-23/06/2011	Bilik Komputer IMK, Kuala Perlis	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan peserta mengetahui cara memasukkan data ke dalam SPSS. 2. Memberi pengetahuan memilih prosedur yang sesuai. 3. Memastikan peserta tahu cara menganalisis data statistik 4. Menyunting keputusan analisa.
19.	Kursus Analisa Data Menggunakan SPSS (siri 1)	27-28/06/2011	Bilik Komputer IMK, Kuala Perlis	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan peserta mengetahui cara memasukkan data ke dalam SPSS. 2. Memberi pengetahuan memilih prosedur yang sesuai. 3. Memastikan peserta tahu cara menganalisis data statistik 4. Menyunting keputusan analisa.
20.	Kursus Analisa Data Menggunakan SPSS (siri 2)	30/06 & 01/07/2011	Bilik Komputer IMK, Kuala Perlis	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan peserta mengetahui cara memasukkan data ke dalam SPSS. 2. Memberi pengetahuan memilih prosedur yang sesuai. 3. Memastikan peserta tahu cara menganalisis data statistik 4. Menyunting keputusan analisa.
21.	Kursus Pengendalian Bahan Kimia Berbahaya	14&15/07/2011	Bilik Seminar Za'ba UKKP	Memberikan pendedahan dan melatih para peserta tentang Akta KKP 1994 dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan bahan kimia di makmal
22.	Kursus Orientasi Staf Baru (siri I)	25-27/07/2011	Bilik Seminar, Kompleks Pusat Pentadbiran UniMAP Taman Kechor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi penjelasan tentang sistem pentadbiran, prosedur utama, panduan, arahan, dan pekeling kerajaan. 2. Mempekenalkan kepada peserta struktur organisasi UniMAP 3. Memupuk nilai dan etika cemerlang di kalangan semua anggota dalam Perkhidmatan Awam
23.	Seminar Keselamatan Jalan Raya	08/08/2011	Dewan Keikhlasan, Kangar	Mendedahkan para peserta tentang cara yang selamat berada di jalan raya

Bil	Nama Program	Tarikh	Tempat	Objektif
24.	Kursus Penggunaan PPE (Alat Pelindung Diri)	27/09/2011	Bilik Seminar Za`ba UKKP	Memberi pemahaman kepada peserta kursus tentang pemilihan PPP (peralatan perlindungan peribadi), cara penggunaan dan penyenggaraan yang betul supaya staf dapat berkerja dengan sihat dan selamat di UniMAP.
25.	Kursus Penyiasatan Kemalangan	28-29/09/2011	Bilik Seminar Za`ba UKKP	Melatih peserta tentang kaedah mengenalpasti punca sesuatu kejadian berbahaya atau kemalangan yang berlaku
26.	Kursus Pengurusan Kewangan	10/10/2011	Dewan Kapitol, Kangar	<ol style="list-style-type: none"> 1.Memahami proses-proses penyediaan penyata kewangan. 2.Untuk mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan kewangan peribadi berhemah. 3.Meningkatkan pengetahuan mengenai peranan dan tanggungjawab pegawai di dalam sistem prosedur dan peraturan pengurusan kewangan.
27.	Kursus Keselamatan Mekanikal	19-20/10/2011	Bilik Seminar Za`ba UKKP	Memberikan pemahaman kepada staf tentang keselamatan dan kesihatan pekerja berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1964
28.	Kursus Job Safety Analysis	27-28/10/2011	Bilik Seminar Za`ba UKKP	Mempelajari cara mengenalpasti kawalan risiko yang bakal dilakukan berdasarkan tahap-tahap risiko yang dikelaskan.
29.	Bengkel Terapi Kognitif Tingkah laku (CBT) Untuk Penagih Dadah	31/10-03/11/2011	Bilik Seminar, Kompleks Pusat Pentadbiran UniMAP Taman Kechor	<ol style="list-style-type: none"> 1.Menjadikan UniMAP sebagai hub bagi bengkel kajian psikososial di utara tanah air 2.Meluaskan lagi skop CSR demi kepentingan pembangunan masyarakat 3.Memberi peluang kepada staf UniMAP mempelajari kepelbagaian latihan bagi meningkatkan potensi diri
30.	Spoken English Workshop Series I	31/10-03/11/2011	Bilik Seminar, Kompleks Pusat Pentadbiran UniMAP Taman Kechor	<ol style="list-style-type: none"> 1.Improve the image of the university through communicating effectively with student, parent, customers, lecturers and the bosses 2.Gauge a better understanding of the basic principles in spoken English. 3.Enchance their verbal communications skills in asking and answering simple inquiries
31.	Spoken English Workshop Series II	02-03/11/2011	Bilik Seminar, Kompleks Pusat Pentadbiran UniMAP Taman Kechor	
32.	Kursus Orientasi Staf Baru (siri 2)	15-16/11/2011	Bilik Seminar, Kompleks Pusat Pentadbiran UniMAP Taman Kechor	<ol style="list-style-type: none"> 1.Memberi penjelasan tentang sistem pentadbiran, prosedur utama, panduan, arahan, dan pekeliing kerajaan. 2.Mempekenalkan kepada peserta struktur organisasi UniMAP 3.Memupuk nilai dan etika cemerlang di kalangan semua anggota dalam Perkhidmatan Awam

Bil	Nama Program	Tarikh	Tempat	Objektif
33.	Program Transformasi 1MALAYSIA (Team Building) Pembantu Tadbir (siri 3)	17-20/11/2011	BTN, Balik Pulau, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memahami dan memperolehi kefahaman yang mendalam mengenai diri masing-masing, kekuatan dan kelemahan, konflik serta impak ke atas orang lain. 2. Memahami unsur-unsur yang dapat memupuk semangat kerjasama di dalam sesebuah kumpulan atau organisasi. 3. Memahami kepentingan komunikasi berkesan antara ahli di dalam sesebuah kumpulan untuk membina pasukan yang ampuh. 4. Membina kemahiran membuat keputusan terhadap penyelesaian sesuatu masalah. 5. Menyebarkan dan menerapkan nilai-nilai positif dalam pasukan serta membina peraturan asas untuk memperolehi satu kumpulan yang bersatu-padu dan bersinergi.
34.	Kursus Pelan Tindakan Kecemasan	21-24/11/2011	Bilik Seminar Za'ba UKKP	Memperjelaskan langkah-langkah semasa tindakan dan pengosongan bangunan yang berkesan bagi mengatasi semua jenis kemalangan yang mungkin berlaku di universiti
35.	Kursus Asas Undang-undang, Peraturan Universiti dan Team Building 2011	16-18/12/2011	Pendang Lake Resort, Kedah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memahami dan memperolehi kefahaman yang mendalam mengenai diri masing-masing, kekuatan dan kelemahan, konflik serta impak ke atas orang lain. 2. Memahami unsur-unsur yang dapat memupuk semangat kerjasama di dalam sesebuah kumpulan atau organisasi. 3. Memahami kepentingan komunikasi berkesan antara ahli di dalam sesebuah kumpulan untuk membina pasukan yang kukuh. 4. Membina kemahiran membuat keputusan terhadap penyelesaian sesuatu masalah. 5. Menyebarkan dan menerapkan nilai-nilai positif dalam pasukan serta membina peraturan asas untuk memperolehi satu kumpulan yang bersatu-padu dan bersinergi. 6. Meningkatkan pengetahuan peserta tentang peraturan universiti



3. STATISTIK 2009-2011

Berdasarkan Rajah 5, keseluruhan staf yang berkursus 7 hari setahun bagi tahun 2011 adalah 86.3% berbanding dengan 2 tahun sebelumnya 2010 iaitu 87.01% dan tahun 2009 adalah 86.73%.



Rajah 5 : Perbandingan penyertaan staf berkursus 7 hari setahun dari tahun 2009- 2011

PENGIKTIRAFAN

Bagi menjana kecemerlangan mengikut halacara baru, setiap daripada staf hendaklah membuat anjakan paradigma supaya lebih berilmu dan sentiasa bersikap dan berfikiran terbuka. Untuk menerima perubahan ini staf juga harus berusaha untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran atau kepakaran yang tertentu bagi meningkatkan lagi kualiti kerja masing-masing.

Mengambilkira usaha dan komitmen yang diberikan, pihak universiti menganjurkan Majlis Anugerah Seri Gemilang yang bertujuan mengiktiraf dan menghargai perkhidmatan cemerlang yang diberikan oleh seseorang staf yang mutu atau penghasilan kerjanya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Perkhidmatan yang diberikan itu boleh dijadikan contoh dan ikutan serta memberi pengaruh yang menggerakkan kecergasan bekerja dan daya usaha staf yang lain. Di samping itu, majlis ini dapat menyuntik semangat kerja dan komitmen tinggi seluruh anggota UniMAP untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan masing-masing dan seterusnya peningkatan prestasi perkhidmatan UniMAP secara keseluruhan.

Majlis Penganugerahan tersebut telah berlangsung pada 14 April 2011 dan seramai 83 orang staf UniMAP dari pelbagai peringkat perjawatan telah terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2011 berdasarkan laporan prestasi perkhidmatan tahun 2010. Ia terdiri daripada 39 orang dalam Kumpulan Pelaksana dan 44 orang dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 7.8% dari tahun 2010.

Perbandingan penerima mengikut skim perkhidmatan bagi dua tahun berturut-turut adalah seperti berikut:

Bil	Skim Perkhidmatan	Bilangan Penerima	
		Tahun 2011	Tahun 2010
1	Pensyarah Universiti	22	23
2	Pegawai Latihan Vokasional	10	8
3	Pegawai Sains/Pengurus Asrama	1	1
4	Pegawai Hal Ehwal Islam	1	-
5	Pegawai Belia dan Sukan	1	-
6	Pegawai Tadbir	6	7
7	Jurutera	1	1
8	Pegawai Teknologi Maklumat	1	2
9	Pustakawan	1	1
10	Setiausaha Pejabat	3	4
11	Pembantu Tadbir (P/O)	8	5
12	Juruteknik	6	7
13	Penolong Jurutera/Pelukis Pelan	2	1
14	Pembantu Am Pejabat	6	2
15	Pembantu Perpustakaan	2	2
16	Pembantu Akauntan	1	1
17	Pemandu Kenderaan	3	2
18	Pengawal Keselamatan	2	1
19	Pekerja Awam	1	2
20	Ahli Muzik/Pereka	1	1
21	Penolong Pegawai Belia dan Sukan	1	1
22	Lain-lain	3	5
Jumlah		83	77

Selain itu, Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang turut dianugerahkan kepada staf-staf yang terpilih berdasarkan kategori seperti jadual dibawah:

Bil	Anugerah	Bilangan Penerima	
		Tahun 2010	Tahun 2009
1	Anugerah Pendidik Cemerlang	3	9
2	Anugerah Pentadbir Cemerlang	8	6
3	Anugerah Staf Sokongan Cemerlang	5	6
4	Anugerah Versatil	6	3
Jumlah		22	24

Di samping itu, beberapa orang staf yang memenuhi kriteria juga telah dicalonkan untuk menerima pingat dan bintang kebesaran di peringkat negeri. Senarai penerima bagi tahun 2011 adalah seperti berikut :

1. Mohd Shukor bin Ismail
 Jawatan: Pemandu Kenderaan
 Anugerah: Pingat Jasa Baik (P.J.B)
 Negeri: Perlis
2. Roslan bin Musa
 Jawatan: Pemandu Kenderaan
 Anugerah: Pingat Jasa Baik (P.J.B)
 Negeri: Perlis

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Universiti adalah menerusi Menteri kecuali Naib Canselor dan seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat. Lembaga Pengarah UniMAP terdiri daripada 9 orang ahli tetap dan seorang ahli ganti. Keahlian mengikut perlembagaan terdiri daripada Pengerusi, Naib Canselor, 2 orang wakil dari perkhidmatan awam, seorang mewakili negeri/masyarakat setempat, seorang Profesor Universiti yang dipilih oleh Senat dan 3 orang mewakili syarikat swasta/perindustrian. Seorang ahli ganti mewakili sektor perkhidmatan awam dilantik oleh Menteri untuk menghadiri mesyuarat Lembaga jika ahli itu tidak dapat hadir dengan bersebab.

Fungsi dan Kuasa Lembaga Pengarah Universiti sangat luas. Ahli Lembaga Pengarah menjadi badan yang

mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Universiti tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan kepada Pihak Berkuasa, badan atau kepada pegawai lain Universiti.

Lembaga Pengarah Universiti juga berperanan mengadakan perancangan pengawasan yang strategik yang bercirikan pendidikan dan misi universiti, menggalakkan pengurusan yang cekap dan berkesan serta mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi Universiti, membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri, memupuk hubungan global dan keantarabangsaan berhubung dengan pelajaran tinggi dan penyelidikan. Lembaga Pengarah Universiti juga bertanggungjawab memastikan pelaksanaan Perlembagaan, undang-undang dan dasar Universiti dan memastikan bahwa tiap-tiap Pihak Berkuasa, Jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.

Takwim Mesyuarat LPU 2011

Suku Tahun 1	Suku Tahun 2	Suku Tahun 3	Suku Tahun 4
01/03/2011	15/05/2011	03/07/2011	06/11/2011

AUDITAN DALAMAN

Unit Audit Dalam telah ditubuhkan pada bulan 12 Mei tahun 2003 selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2, Tahun 1979 dan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998, Perkara 7, iaitu Peranan Unit Audit Dalam. Unit Audit Dalam bertanggungjawab terus kepada Naib Canselor UniMAP. Unit ini bertanggungjawab membantu pihak pengurusan atasan mempertingkatkan tahap pematuhan kepada undang-undang, peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan. Selain itu, unit ini juga membantu pihak pengurusan atasan menentukan program-program dan aktiviti-aktiviti diuruskan dengan berekonomi, cekap, berkesan dan bersesuaian.

Berikut adalah kedudukan auditan yang telah dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam sepanjang tahun 2011:-

Aktiviti Yang Dirancang		Pencapaian		
		Laksana	Laporan	Maklumbalas
1	Auditan Pengurusan Aset Di Unit Multimedia	/	/	X
2	Auditan Pengurusan Cenderahati Di Unit Komunikasi Korporat	/	/	/
3	Auditan Pengurusan Pentadbiran Dan Pengurusan Kewangan Di Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan	/	/	/
4	Auditan Pengurusan Pentadbiran Dan Pengurusan Kewangan Di Anjung UniMAP Kuala Lumpur	-	-	-
5	Auditan Pengurusan Pentadbiran Dan Pengurusan Kewangan Di Unit Pengurusan Agroteknologi	/	/	X
6	Auditan Pengurusan Program Dan Aktiviti Pelajar Di Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni	-	-	-
7	Auditan Pengurusan Pentadbiran Dan Pengurusan Kewangan Di Institut Matematik Kejuruteraan	/	/	X
8	Auditan Pengurusan Pentadbiran Dan Pengurusan Kewangan Di Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar	/	/	/
9	Auditan Pengurusan Kontrak Kerja Bagi Kerja-Kerja Pengubahsuaian Kampus Teragih UniMAP (UDC)	-	-	-
10	Pengurusan Aset Dan Inventori Di Jabatan Bendahari Dan Semua PTJ	-	-	-

Pusat Tanggungjawab yang dilawati dan tarikh lawatan adalah seperti berikut:

Bil	PTJ	Tarikh Lawatan
1	Unit Multimedia	07-11/02/2011
2	Unit Komunikasi Korporat	01-07/03/2011
3	Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan	28/03-08/04/2011
4	Unit Pengurusan Agroteknologi	09-20/05/2011
5	Institut Matematik Kejuruteraan	20/06-01/07/2011
6	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar	17-28/10/2011

JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan melalui resolusi Lembaga Pengarah yang menggariskan objektif Jawatankuasa tersebut, tanggungjawab dan keanggotaannya. Jawatankuasa tersebut boleh dianggotai tiga (3) hingga lima (5) orang ahli terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah bukan eksekutif. JKA boleh melantik pengerusinya sendiri atau boleh juga dilantik oleh Lembaga Pengarah - (Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998 (SPA 3/1998)). JKA KUKUM/UniMAP telah ditubuhkan pada 19 Oktober 2005 berdasarkan Minit 107, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke 9.

Senarai Keahlian Jawatankuasa Audit UniMAP untuk tahun 2011 adalah seperti berikut:

Pengerusi:

Y. Bhg. Ir. Prof. Dr. Gue See Sew
Ketua Pegawai Eksekutif G&P Professionals Sdn. Bhd.
(bermula pada 23/12/2011)

Ahli:

Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd Sofi Bin Osman
Naib Presiden
APAC Region Worldwide Operations and Engineering
Altera Corporation (M) Sdn. Bhd.
(bermula pada 23/12/2011)

Y. B. Tuan Abdul Rasid Bin Sudin
Penasihat Undang-undang Negeri Perlis
(bermula pada 23/12/2011)

Berdasarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998, Mesyuarat Jawatankuasa Audit hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Pengerusi hendaklah menentukan tarikh, tempat dan agenda untuk mesyuarat tersebut dan mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Juruaudit Dalam UniMAP yang merupakan Setiausaha JKA. Pada tahun 2011 Mesyuarat JKA tidak dapat diadakan disebabkan oleh Pengerusi dan Ahli-ahli JKA telah tamat tempoh kontrak dan baru dilantik semula pada 23 Disember 2011 melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Ke-34/2011.

6. SISWAZAH BERBAKAT ISTIMEWA

Antara objektif yang hendak dicapai ialah:

- Mahasiswa berakhlak, bermoral dan berketrampilan peragaan diri yang terpuji
- Berjiwa penyayang
- Berpencapaian akademik tinggi
- Berkeupayaan menyelidik
- Berfikiran kreatif dan inovatif
- Berdaya keusahawanan yang progresif
- Bertanggungjawab dan menyumbang kepada masyarakat setempat dan antarabangsa
- Berkeupayaan komunikatif yang terpuji
- Berdaya cipta, berdaya saing dan berdaya tahan

Tema asas yang ditetapkan bagi pelan strategik lima tahun ini ialah 'I positively CHANGE'. Enam teras strategik ini disimpulkan melalui gambar rajah 'strategic management house' yang berikut:



Gambar rajah 'strategic management house' UniMAP 2011-2015



OBJEKTIF STRATEGIK UniMAP 2011-2015

Berasaskan enam teras strategik dan hasilan strategik yang ditetapkan sebanyak 14 objektif strategik dirumuskan mengikut kerangka skorkad seimbang yang dibahagikan kepada empat dimensi iaitu:

1. Dimensi 1: Kapasiti dan Daya Saing Organisasi

- Mentrasformasikan modal intelektual
- Mengkondusifkan info- dan infrastruktur
- Membudayakan komunikasi maknawi
- Memapankan budaya korporat yang kondusif

2. Dimensi 2: Proses Dalaman

- Menyemarakkan budaya kreatif dan dan inovatif
- Meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan
- Melonjakkan kualiti perkongsian industri-akademia
- Meningkatkan daya saing penyelidikan
- Memperkasakan kecemerlangan akademik

3. Dimensi 3: Kewangan

- Melonjakkan penjanaaan kekayaan
- Melestarikan perbelanjaan berhemat

4. Dimensi 4: Pihak Berkepentingan

- Menambahmantapkan daya saing mahasiswa
- Meningkatkan reputasi antarabangsa
- Memenuhi jangkaan pihak berkepentingan

Objektif strategik ini disimpulkan di dalam peta strategi di muka surat 80.

Daripada 14 objektif strategik yang dirumuskan UniMAP menetapkan sebanyak 54 pengukur prestasi. Untuk menyelaraskan pelaksanaan strategi UniMAP dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) sebanyak 23 pengukur prestasi utama PSPTN dipilih sebagai pengukur prestasi UniMAP 2011-2015. Pengukur prestasi itu terdiri daripada:

1. Bilangan pemimpin dalam pembelajaran dan pengajaran.
2. Bilangan staf akademik yang melengkap keperluan latihan kepimpinan.
3. Bilangan staf bukan akademik yang melengkap keperluan latihan kepimpinan.
4. Nilai (RM) dana penyelidikan daripada institusi bukan kerajaan peringkat tempatan.
5. Nilai (RM) dana penyelidikan daripada institusi bukan kerajaan peringkat antarabangsa.
6. Jumlah kumulatif harta intelek (IP) yang didaftarkan / difailkan.
7. Bilangan ahli akademik yang dilantik sebagai profesor adjung oleh institusi luar.

